

MANFAATKAN USIA MUDA DENGAN MENUNTUT ILMU

Oleh: Nur Hasni binti Zahidi, 1171078,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 30 July 2020



Usia muda merupakan zaman yang paling bermakna dan mencabar dalam kehidupan seseorang, di mana di alam inilah seseorang remaja mengalami perubahan fizikal, intelek dan emosi.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), golongan muda dikategorikan berumur antara 12 hingga 24 tahun. Peringkat usia ini dianggap zaman yang indah dan terbaik menurut Islam.

Daripada Ibnu Abbas r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Masa sihat sebelum sakit. Masa kaya sebelum datangnya masa

miskin. Masa lapang sebelum tiba masa sibuk. Masa mudamu sebelum datang masa tua dan masa hidup sebelum tiba masa mati.” (Riwayat al-Hakim dan al- Baihaqi).

Hadis tersebut menceritakan setiap fasa yang dilalui mestilah kita rebut dan penuh dengan perkara-perkara yang baik. Terutamanya pada usia muda ‘lakukanlah ketaatan ketika dalam keadaan kuat untuk beramal sebelum datang masa tua.’ Ketaatan yang dimaksudkan di sini adalah perkara yang indah dan mendatangkan manfaat.

Contohnya, Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu pada usia muda, kerana apa yang kita pelajari pada peringkat umur itu adalah lebih lama bertahan dalam hati kita berbanding ketika usia tua.

Hal ini kerana keupayaan memori yang dikurniakan oleh Allah pada usia muda adalah lebih aktif berbanding pada usia tua.



Islam sangat menekankan pendidikan agama dan moral terhadap golongan mudanya. Pada usia inilah anak muda seharusnya menuntut ilmu sebanyak yang mungkin bagi menghiasi diri dengan ilmu serta menjadi tembok untuk mempertahankan Islam dari berlaku kerosakan akhlak dan akidah.

Semestinya kita mempelajari dari kisah-kisah Rasulullah SAW tentang bagaimana baginda dan para sahabat mempunyai semangat yang besar dalam menuntut ilmu.

Menerusi ilmu yang ada, anak muda dapat berkongsi dan menyebarkan kepada masyarakat di samping memberi manfaat.

Sepertimana kita tahu bahawa Rasulullah SAW sendiri pernah mengharungi pelbagai cabaran dalam menuntut ilmu seperti mengharungi perjalanan yang begitu jauh, merentasi padang pasir yang tandus dalam cuaca panas terik dengan bekalan yang sangat terhad demi mencari ilmu yang memberi manfaat dan demi kemaslahatan umatnya.

Oleh sebab itu, mereka yang menuntut ilmu dianggap sebagai melakukan jihad fi sabilillah. Betapa tingginya nilai dan penghormatan penuntut ilmu di sisi Allah SWT.



Firman Allah SWT yang bermaksud “*Supaya Allah SWT meninggikan derajat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa derajat.*” (Surah Al-Mujadalah ayat: 11).

Seseorang yang beriman kepada Allah SWT mempunyai pelbagai tahap derajat, iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Penentuan yang menentukan tingkat derajat orang-orang yang beriman di sisi Allah SWT adalah ilmunya.

Semakin tinggi ilmu seseorang itu semakin tinggi darjatnya di sisi Allah S.W.T dan semakin tinggi pula darjatnya di dunia dan akhirat.

Sehubungan itu, generasi muda Islam seharusnya memanfaatkan masa dan tenaga mereka untuk menuntut ilmu yang membolehkan mereka menabur bakti kepada agama, ummah dan negara.